

LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)



LOT 7.24, TINGKAT 7,
WISMA CENTRAL,
JALAN AMPANG,
KUALA LUMPUR 04-07

BIL. SURAT TUAN:

BIL. SURAT KAMI: LJM 6 Pt. 4/(55)

NOMBOR TELEFON

415671 (Setiausaha)
487525 (Pejabat Am)

(SILA CATITKAN BILANGAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

28 May 1984

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Tuan

PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH NO. 5 TAHUN 1984

KOD TATAKELAKUAN PROFESIONAL


Mesuarat Lembaga Jurukur Tanah yang ke 145 telah memutuskan pada 14hb Februari 1984 bahawa segala tindakan tatatertib yang diambil oleh Lembaga ini akan disebarikan menurut cara berikut :-

(a) KESALAHAN YANG MENGAKIBATKAN PENGGANTONGAN PRAKTIK HINGGA PEMBATALAN PENDAFTARAN

Kesalahan atau beberapa kesalahan yang dikenakan penggantongan hingga pembatalan pendaftarannya di bawah Ordinan Jurukur Tanah Berlesen, perenggan 17 (a) atau (b) dan sebarang Ordinan yang menggantikannya akan disebarikan dalam Warta Kerajaan, media massa dan surat resmi kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia untuk tindakan sewajarnya.

(b) KESALAHAN YANG DIKENAKAN KECELAAN DAN/ATAU DENDA

Kesalahan-kesalahan yang dikenakan kecelaan dan/atau denda di bawah Ordinan Jurukur Berlesen 1958, perenggan 17 (c) hingga (d) akan disebarikan dalam Warta Kerajaan dan diberitahu kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia untuk tindakan sewajarnya.


(LEONG YIP SUN, JSM)
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Semenanjung Malaysia

s.k. : Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Malaysia
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Malaysia
Pengarah Ukur Kadastra
Semua Pengarah Ukur